**Faedah-faedah Yang Akan Diperolehi Sebagai Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan.**

- Mendapat dividen atas modal saham, hadiah atau diskaun atas langganan dan saham bonus jika PPK mendapat keuntungan.
- Dapat menambah pendapatan dengan menyertai projek-projek PPK seperti mini estet kelapa sawit, padi dan sebagainya serta projek ternakan, ternakair, industri kecil dan pemprosesan makanan.
- Mendapat perlindungan keselamatan melalui insuran sama ada individu atau kumpulan
- Mendapat bantuan Kebajikan ( kewangan/ benda ) dalam bentuk khairat kematian, pembiayaan pelajaran anak-anak serta bantuan bencana alam atau kemalangan,
- Mengikuti seminar, konvensyen dan kursus kemahiran dalam bidang pertanian pemasaran, pemprosesan, keusahawanan dan kepimpinan.



- Peluang menyertai lawatan sambil belajar di dalam dan luar negeri.
- Peluang memenangi pertandingan seperti Peladang Jaya Lelaki atau Wanita dan lain-lain sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan setiap tahun.
- Peluang menjadi pemimpin Peladang Melalui Perwakilan ke Mesyuarat Agung PPK/PPN/NAFAS
- Mendapat maklumat-maklumat yang kemaskini melalui bahan-bahan penerbitan Pertubuhan Peladang dan Lembaga Pertubuhan Peladang seperti berita PPK, Peladang Jaya dan sebagainya serta Khidmat Pengembangan Jabatan juga Agensi lain
- Menikmati kemudahan-kemudahan kelas bimbingan tadika dan perpustakaan kecil untuk anak-anak.

Sebarang Pertanyaan
Sila Hubungi :

Pertubuhan Peladang Kawasan Kudat
Bangunan Kedai SUDC, Blok H, Lot 5 & 6,
Pekan Tomborungus,
W.D.T. 67
89059 Kudat
Sabah

No. Tel : 088-614106
No. Fax : 088-613776

# Cara-cara & Faedah Menjadi Ahli PPK



Scanned by Easy Scanner

**Keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan**

- **Keahlian Individu**
  Individu perseorangan yang layak mengikut syarat-syarat kelayakan keahlian.

- **Keahlian Unit**
  Koperasi Berasaskan Pertanian yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.



**Syarat-syarat Keahlian Individu Pertubuhan Peladang Kawasan.**

- Seseorang warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun tinggal dalam pengendalian PPK.
- Mengambil bahagian dalam pengeluaran pertanian dan ternakan.
- Mendapat pendapatan daripada pengeluaran pertanian dan ternakan.
- Menguasai mana-mana daripada faktor-faktor pertanian dan ternakan.

**Proses Untuk Menjadi Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan**

Mengunjungi PPK di kawasan anda

↓

Mendapatkan borang

↓

Mengisi borang

↓

Mengemukakan borang kepada Jemaah Pengarah PPK

↓

Pertimbangan dan kelulusan Jemaah Pengarah PPK

↓

Sijil atau kad keahlian dikeluarkan

↓

Ahli boleh menikmati haknya sebagai ahli

- Setiap permohonan hendaklah disertakan bayaran masuk dan saham sebagaimana ditetapkan mengikut Perlembagaan PPK
- Jika sesuatu permohonan ditolak, pemohon bolehlah membuat rayuan kepada Pendaftar dalam masa 14 hari. Pendaftar akan membuat pertimbangan sama ada menerima atau menolak.
- Sekiranya rayuan ditolak segala pembayaran akan dikembalikan semula.

**Kuasa-Kuasa Ahli**

- Memilih wakil-wakil unit.
- Dipilih sebagai wakil atau memegang sebarang jawatan di PPK.
- Menyuarakan pendapatnya atau mengundi dalam Mesyuarat Agung.
- Memperolehi segala kepentingan PPK sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan atau Perlembagaan PPK
- Mengundi dalam Mesyuarat Agung Unit dan Mesyuarat Agung PPK.

**Perkhidmatan Dan Kemudahan Yang Disediakan Oleh Pertubuhan Peladang Kawasan.**

- Pembekalan input pertanian dan khidmat Kejenteraan ladang dengan kos berpatutan
- Pengangkutan dan pemasaran hasil-hasil Pertanian.
- Pemprosesan hasil-hasil pertanian
- Kredit untuk melaksanakan projek-projek perladangan, pemprosesan dan subsidi baja padi.
- Kebajikan daripada kegiatan-kegiatan Sosial PPK.

Scanned by Easy Scanner